

KEBERKESANAN PERANAN GURU DALAM PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR MENURUT IMAM AL- GHAZALI

Siti Aminah Binti Ahmad¹, (Zety Azlin Binti Elias², Raikhan Binti Mormin³)

Siti Aminah Binti Ahmad
manjamien@gmail.com

Zety Azlin Binti Elias
zety.azlin@yahoo.com

Raikhan Binti Mormin
raikhanmormin@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meninjau keberkesanannya peranan guru dalam membantu pelajar di Sekolah Agama Zon 1, Johor Bahru dalam penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti penghayatan akhlak pelajar serta mengetahui keberkesanannya dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian deskriptif ini dilaksanakan secara tinjauan (survey) melalui sesi soal selidik terhadap 200 orang murid di enam buah sekolah agama yang berada di dalam Zon 1, Johor Bahru. Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memperolehi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan. Data yang terkumpul melalui soal selidik dalam kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 21. Melalui analisis yang dijalankan, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa para guru bagi enam buah sekolah Agama Zon 1, Johor Bahru telah memainkan peranan yang sangat efektif dalam membantu para pelajar mereka dalam penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. Ini dapat dilihat daripada pencapaian nilai min skor yang dicatatkan dalam keupayaan pelajar dalam memahami penghayatan konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali, amalan akhlak dalam kalangan pelajar serta keberkesanannya penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali dalam Pendidikan Islam yang majoritinya adalah pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

Kata kunci: Penghayatan akhlak; Al-Ghazali; peranan guru.

ABSTRACT

This study was carried out with the aim of reviewing the effectiveness of teachers' role in assisting students at the Religious School Zone 1 Johor Bahru in appreciation of character according to Imam Al-Ghazali. In addition, this study was also conducted to identify students' morality and to find out the effectiveness of learning Islamic education. This descriptive study was carried out through a survey through a questionnaire survey of 200 respondents in six religious schools located within Zone 1, Johor Bahru. Questionnaires were used as research instrument to obtain answers to the questions of the study. The data collected through questionnaires were analyzed using SPSS (Statistical Package for Social Sciences) version 21. Through the analysis, the findings showed that the teachers of the six religious schools of Zone 1, Johor Bahru have played a role which very effective in helping their students in appreciation of morality according to Imam Al-Ghazali. This can be seen from the achievement of the mean score recorded in the student's ability to understand the behavioral concept of Imam al-Ghazali, moral practice among the students and the effectiveness of behavioral appreciation according to Imam Al-Ghazali in Islamic Education whose majority is high and satisfactory level.

PENGENALAN

Akhlik merupakan perkara asas dalam kehidupan seharian manusia. Telah banyak perbincangan dan perdebatan mengenai akhlak yang dijalankan dan terdapat pelbagai kajian yang telah dilaksanakan yang mengaitkan akhlak di dalam pelbagai aspek dan sudut. Dalam kajian yang ditulis oleh Safar & Tamuri (2011), kesempurnaan sesebuah akhlak adalah suatu aset yang terpenting di dalam kehidupan seseorang Muslim. Ini adalah kerana akhlak mampu menjadi satu kriteria dalam menentukan sama ada individu tersebut merupakan individu yang baik dan juga beriman ataupun yang di sebaliknya (Safar & Tamuri, 2011).

Dalam era globalisasi kini, masyarakat pada hari ini mudah terengaruh dengan segala proses kemodenan dan juga teknologi yang serba canggih. Namun begitu, kemajuan seperti ini sememangnya mendorong cabaran akhlak terhadap masyarakat agar akhlak yang dibentuk selaras dengan tuntutan Islam. Justeru, proses pembentukan akhlak dalam diri seseorang adalah amat penting khususnya generasi muda yang terdiri daripada para pelajar.

Menyedari tentang betapa pentingnya akhlak terhadap manusia, pendidikan akhlak telah bermula dari peringkat awal kanak-kanak lagi. Ini adalah kerana proses pembentukan akhlak itu sendiri selari dengan perkembangan jiwa bagi seseorang itu (Rohayati Derani, 2004). Bermula daripada institusi kekeluargaan, pendidikan akhlak telah diberikan penekanan dan ianya berterusan dengan pendidikan serta pembelajaran Pendidikan Islam yang telah diajar di peringkat sekolah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi bagi memastikan kemantapan akhlak sesebuah umat dalam menangani isu semasa di zaman teknologi ini. Di peringkat sekolah, guru memainkan peranan utama bagi membantu para pelajar berupaya untuk memiliki penghayatan akhlak yang

sempurna bagi mendorong pembentukan sahsiah dan keperibadian mulia menurut Imam Al-Ghazali.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pencapaian guru dalam membantu pelajar di enam buah Sekolah Agama Zon 1, Johor Bahru dalam penghayatan akhlak mulia menurut Imam Al-Ghazali. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti penghayatan akhlak pelajar serta mengetahui keberkesanannya dalam pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

Konsep Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali

Berdasarkan penulisan Khairani Zakariya (2012), Imam Al-Ghazali adalah seorang tokoh yang tidak asing lagi di dalam bidang pendidikan dan juga dalam falsafah Islam. Ini kerana buah fikirannya adalah sangat berasa dan begitu mendalam sehingga ianya sering dijadikan sebagai sumber rujukan bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada umat bukan Islam. Selain daripada itu, imam Al-Ghazali juga adalah merupakan seorang pakar di dalam pelbagai bidang yang melibatkan keilmuan termasuklah ilmu tasawuf, fiqh, akidah, politik dan juga ilmu kalam (Khairani Zakariya, 2012).

Konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu akhlak yang mempunyai sifat yang baik (*al khuluq al hasan*), dan akhlak yang mempunyai sifat yang buruk (*al khuluq as sayyi'*). Kajian yang dijalankan oleh imam Al-Ghazali yang telah menjelaskan bahawa terdapat empat unsur yang boleh dijadikan sebagai standard (*mi'yar*) bagi ummahatul fadaha'il iaitu akhlak yang paling utama.

Menurut pendapat imam Al-Ghazali, akhlak boleh didefinisikan sebagai sifat yang telah tertanam di dalam jiwa seseorang tanpa tidak memerlukan sesuatu pertimbangan, di mana sifat tersebut akan menjadi pendorong kepada seseorang itu untuk membuat perbuatan yang baik ataupun perbuatan yang buruk (Al-Ghazali, 2003). Selain itu, imam Al-Ghazali (1997) juga berpendapat bahawa kemuliaan dan kehinaan manusia adalah disebabkan oleh akhlaknya.

Menurut Khairani Zakariya (2012), sebuah pembangunan akhlak yang dijalankan dengan mengikut perspektif Islam adalah merupakan pembangunan yang didirikan dengan mengikut rangka yang disyariatkan oleh Allah SWT di mana ianya berasaskan kepada aspek akidah di mana ianya dikawal oleh syariat Allah SWT dan seterusnya dilengkapi dengan adab sopan dan juga akhlak. Dalam penulisan Khairani Zakariya (2012) yang dipetik dari Sa'id ibn Qasim (1995), keempat-empat unsur utama yang di maksudkan ialah kebijaksanaan seseorang dalam mengendalikan diri nya sendiri daripada godaan hawa nafsu (Al-hikmah); keupayaan dalam mengelak perasaan marah dan hawa nafsu (Al-Adlu); keberanian (Al-Saja'ah); dan menjauhkan diri daripada melakukan sebarang perbuatan yang tidak baik (Al'Iffah).

PERANAN GURU DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK MURID

Berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh Al-Syaibani (Ahmad Saefudin, 2014), pendidikan adalah sebuah proses pertumbuhan bagi membentuk pengalaman dan perubahan yang dikehendaki terhadap tingkah laku individu dan secara berkelompok. Justeru, guru adalah orang yang mulia di sisi Allah SWT memandangkan guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan bimbingan dan panduan yang sempurna bagi memudahkan seseorang mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Menurut Samsinas (2009), ibu bapa mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap sistem pendidikan agama yang diperlakukan khususnya di sekolah agama dalam melahirkan individu yang mempunyai keseimbangan dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, guru merupakan orang kedua terpenting dalam membentuk keperibadian anak-anak selain membantu membimbing mereka (Azizi Yahaya *et.al* 2005).

Guru yang baik melahirkan remaja yang rajin. Guru yang baik juga selalunya dipercayai dan dihormati oleh komuniti serta dapat menentukan masa bermain, masa belajar dan masa bersukaria. Guru juga dikenalpasti dapat mencipta suasana yang selesa bagi pelajar dan mengetahui apa juar permasalahan yang dihadapi oleh pelajarnya (Zainal Madon, 2004).

Guru-guru adalah model yang menjadi contoh kepada pelajar. Guru bertanggungjawab membina hubungan dengan setiap pelajar dan memandang mereka sebagai individu yang mempunyai berbagai keistimewaan. Guru yang baik mampu melihat kebolehan pelajarnya. Selain itu, guru mampu bertindak sebagai pendorong, pembimbing serta pemangkin bagi membentuk pengalaman pelajar (Azizi Yahaya *et.al* 2005).

Selain itu, guru juga memainkan peranan penting dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran (P&P). Semasa proses P&P dijalankan, sahsiah tenaga pengajar atau guru sangat penting kerana menurut Ismail, A. et. al. (2013), keperibadian tenaga pengajar melalui sifat interpersonal dan juga intrapersonal bersama pelajar adalah sangat penting dalam mewujudkan suasana yang baik semasa proses P&P dijalankan. Di samping itu, pelajar sentiasa memerhatikan keperibadian ataupun sahsiah guru yang mengajar mereka memandangkan guru adalah merupakan contoh ikutan mereka (Mare & Sohbat, 2002; Yost, 2002; Wayne & Youngs, 2003; Endres, 2007).

Justeru itu, guru mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan kerana guru mempunyai fungsi yang penting dalam pementukan akhlak pelajar. Guru menjadi “*Qudwah Hasanah*” atau contoh ikutan terbaik kepada pelajar. Setiap tingkah laku guru hendaklah dijaga kerana setiap inci pergerakannya akan menjadi ikutan oleh murid- murid. Tutur katanya menjadi pegangan dan gerak lakunya menjadi misalan.

Metodologi

Kajian ini adalah satu kajian deskriptif yang dilaksanakan secara tinjauan (survey) melalui sesi soal selidik kepada responden kajian. Kajian tinjauan ini dijalankan terhadap 200 orang murid di enam buah sekolah agama yang berada di dalam Zon 1 Johor Bahru bagi penghayatan akhlak mulia menurut Imam Al-Ghazali dan kesannya dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memperolehi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan. Sejumlah 200 borang soal selidik yang telah diedarkan kepada murid di enam buah sekolah agama yang telah dipilih secara rawak di Zon 1 Johor Bahru.

Data yang terkumpul melalui soal selidik dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 21. Perisian ini dijadikan sebagai kaedah utama untuk menganalisis data kerana ia mudah digunakan dan mengambil masa yang cepat untuk melaporkan data. Di samping itu, analisis statistik deskriptif juga dijalankan dan kemudiannya dinyatakan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan nilai min bagi menerangkan keempat-empat pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Demografi Sampel Kajian

Jadual 1 yang disediakan menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat sebagai sampel kajian ini berdasarkan jantina, umur, status perkahwinan ibu bapa, bilangan adik beradik dan juga kedudukan responden dalam adik beradik. Hasil dapatan analisis menunjukkan responden lelaki adalah sebanyak 113 responden (56.5%) manakala jumlah responden perempuan adalah seramai 87 responden (43.5%). Daripada kumpulan tersebut, terdapat seramai 72 responden (36.0%) berumur 14 tahun dan diikuti oleh 71 responden (35.5%) yang berumur 13 tahun serta 57 responden (28.5%) yang berumur 15 tahun.

Jadual 1 juga menunjukkan terdapat 188 responden (94.0%) yang mempunyai ibu bapa yang masih berkahwin, 4 responden (2.0%) yang mempunyai bapa yang berstatus bapa tunggal, 6 responden yang mempunyai ibu yang berstatus ibu tunggal dan 2 responden yang mempunyai ibu bapa yang mempunyai status perkahwinan yang lain.

Manakala berdasarkan bilangan adik-beradik pula, sebanyak 86 responden (43.0%) yang mempunyai 2 hingga 3 adik beradik; 75 responden (37.5%) yang mempunyai 4 hingga 5 adik beradik, 27 responden (13.5%) merupakan anak tunggal dan 12 responden (6.0%) yang mempunyai lebih daripada 6 adik beradik. Bagi kedudukan responden dalam adik beradik, seramai 104 responden (52.0%)

adalah merupakan anak tengah, diikuti dengan 55 responden (27.5%) sebagai anak sulung dan seramai 41 responden (20.5%) merupakan anak bungsu.

Jadual 1 : Demografi Sampel Kajian

Maklumat Demografi		Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	113	56.5%
	Perempuan	87	43.5%
Umur	13 tahun	71	35.5%
	14 tahun	72	36.0%
	15 tahun	57	28.5%
Status perkahwinan ibu bapa	Berkahwin	188	94.0%
	Bapa Tunggal	4	2.0%
	Ibu Tunggal	6	3.0%
	Lain-lain	2	1.0%
Bilangan adik-beradik	Anak tunggal	27	13.5%
	2 – 3 adik beradik	86	43.0%
	4 – 5 adik beradik	75	37.5%
	6 ke atas	12	6.0%
Kedudukan responden dalam adik-beradik	Anak sulung	55	27.5%
	Anak tengah	104	52.0%
	Anak Bungsu	41	20.5%

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis deskriptif mengenai pemahaman responden terhadap penghayatan konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali. Dalam jadual ini, skor min bagi setiap pernyataan sub konstruk bagi pemahaman responden terhadap penghayatan konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi. Ini dapat dilihat melalui min skor yang dicatatkan bagi sepuluh pernyataan sub konstruk yang disediakan yang bermula dari 4.1700 hingga 4.6250. Berdasarkan hasil analisis ini juga, pernyataan bagi sub konstruk yang ketiga telah direkodkan mempunyai catatan min skor yang tertinggi di antara 10 pernyataan yang disediakan. Ini bererti bahawa para responden bagi kajian ini amat memahami bahawa akhlak sememangnya terbahagi kepada dua sifat iaitu sifat yang baik dan sifat yang buruk. Di samping itu, catatan min skor yang telah direkodkan ini juga menunjukkan indikasi bahawa responden mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai penghayatan konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali.

Jadual 2: Analisis Deskriptif Pemahaman Penghayatan Konsep Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali

No.	Pernyataan Sub-Konstruk Konsep	Pemahaman	Penghayatan	Min Skor
1	Akhhlak adalah sifat di dalam jiwa seseorang tanpa memerlukan sesuatu pertimbangan dan menjadi pendorong untuk melakukan perbuatan yang baik maupun yang buruk			4.5850
2	Kemuliaan dan kehinaan manusia adalah berdasarkan akhlaknya			4.1700
3	Akhhlak terbahagi kepada dua sifat iaitu sifat yang baik dan sifat yang buruk			4.6250
4	Terdapat empat unsur yang boleh dijadikan sebagai standard akhlak yang utama iaitu Al-hikmah, Al-adlu, Al-saja'ah dan Al'iffah.			4.1650
5	Akhhlak seseorang itu dapat diubah melalui didikan			4.4500
6	Pembangunan akhlak seseorang boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu			4.4800
7	Pembersihan hati dan jiwa (Tazkiyyah al-nafs) adalah penting dalam pembangunan akhlak yang berifat mulia (mahmudah).			4.5500
8	Melawan hawa nafsu (Mujahadah) perlu dilaksanakan dengan berterusan agar akhlak seseorang itu akan menjadi stabil dan mampu membina peribadi yang luhur			4.3150
9	Melazimi amalan-amalan kebaikan secara berterusan akan menghasilkan suatu kebiasaan dan membentuk keperibadian seseorang			4.4700
10	Melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan akhlak yang buruk membantu dalam mempengaruhi pembangunan akhlak seseorang itu			4.4100

Jadual 3 pula menunjukkan hasil dapatan analisis deskriptif bagi elemen penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali yang diamalkan oleh responden. Terdapat 6 elemen penghayatan akhlak yang telah disediakan bagi bahagian ini yang terdiri daripada amalan akhlak dalam kehidupan seharian; amalan akhlak dalam kehidupan sosial; amalan akhlak dalam menunaikan ibadah; amalan akhlak terhadap ibu bapa dan keluarga; amalan akhlak dalam menuntut ilmu; serta amalan akhlak terhadap Allah S.W.T dan Rasul.

Bagi elemen akhlak dalam kehidupan seharian, hasil analisis deskriptif yang dijalankan ke atas 19 amalan akhlak yang disenaraikan secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi. Ini juga menunjukkan bahawa tahap amalan akhlak responden menurut Imam Al-Ghazali adalah pada tahap yang memuaskan. Nilai min skor yang tertinggi adalah amalan responden dalam memastikan makanan yang mereka makan adalah halal (4.6000) manakala min skor yang paling rendah adalah pernyataan sub konstruk yang keenam belas iaitu amalan dalam mengelakkan bercakap kasar dan menyindir (3.9000).

Manakala nilai min skor yang dicatatkan pada tujuh pernyataan sub konstruk bagi elemen akhlak dalam kehidupan sosial telah menunjukkan kesemua nilai min tersebut adalah pada tahap yang tinggi. Nilai min yang paling rendah di bahagian ini adalah pada pernyataan sub konstruk yang ketujuh (4.1650) iaitu mengelakkan pergaduhan manakala nilai min yang paling tinggi adalah pernyataan sub konstruk yang pertama (4.4600) iaitu mencegah hubungan seks.

Bagi elemen akhlak dalam menunaikan ibadah, nilai min skor yang dicatatkan menunjukkan terdapat 3 pernyataan yang berada pada tahap sederhana iaitu menunaikan solat lima waktu (3.3950); menutup aurat (3.5600); dan ikhlas dalam beribadah (3.5900). Manakala terdapat dua pernyataan yang mempunyai nilai min pada tahap yang tinggi iaitu berlumba-lumba melakukan kebaikan (3.9850) dan bertaubat dari kesalahan (4.2150).

Di samping itu, Jadual 3 juga menunjukkan nilai min skor yang dicatatkan bagi 4 pernyataan sub konstruk yang terdapat dalam elemen akhlak terhadap ibu bapa adalah pada tahap yang tinggi di mana nilai min skor bagi keempat-empat pernyataan ini bermula dari 4.0050 hingga 4.5450. Daripada nilai min skor yang dicatatkan, pernyataan sub konstruk ketiga mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu berbakti kepada ibu bapa.

Selain itu, analisis deskriptif bagi elemen penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali turut di jalankan ke atas elemen akhlak dalam menuntut ilmu. Hasil analisis deskriptif yang diperolehi menunjukkan terdapat tiga pernyataan sub konstruk yang mempunyai nilai min yang tinggi dan terdapat satu pernyataan yang mempunyai nilai min pada tahap yang sederhana. Tiga pernyataan yang mempunyai nilai min yang tinggi termasuklah menghormati dan menghargai guru (3.9850); mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah (4.0050); dan beradab dalam menuntut ilmu (4.1250). Manakala pernyataan yang mendapat nilai min skor yang sederhana adalah menjaga harta benda sekolah dengan baik iaitu 3.5100.

Elemen akhlak terhadap Allah dan Rasul adalah merupakan elemen terakhir yang terdapat dalam Jadual 3. Nilai min skor yang diperolehi daripada analisis deskriptif terhadap dua pernyataan sub konstruk yang terdapat dalam elemen ini adalah pada tahap yang tinggi iaitu 4.2100 bagi mencintai dan mempercayai kekuasaan Allah SWT; dan 4.4300 bagi menghormati, mencintai dan menteladani Rasulullah S.A.W.

Jadual 3 : Analisis Deskriptif Elemen Penghayatan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali

No.	Pernyataan Sub-Konstruk Elemen Penghayatan	Min Skor
Akhhlak Menurut Imam Al-Ghazali		
Akhhlak dalam kehidupan seharian		
1	Menutup pandangan	4.0950
2	Menahan marah apabila kelemahan diri diperkatakan	4.0050
3	Memastikan makanan halal	4.6000
4	Berkata benar	4.3900
5	Melapangkan dada terhadap kebenaran	4.1200
6	Berhemah membuat keputusan	4.5650
7	Bersangka baik terhadap orang lain	4.3300
8	Berpendirian teguh	3.9850
9	Bersederhana	4.3000
10	Memberikan bantuan	4.1800
11	Tidak berputus asa	4.3550
12	Mengelakkan pembaziran	4.1850
13	Mengelakkan riya' dalam amalan	4.3850
14	Taat kepada peraturan	4.1250
15	Tidak membuang waktu dengan sia-sia	4.1550
16	Mengelakkan bercakap kasar dan menyindir	3.9000
17	Tidak menipu	3.9450
18	Memelihara kebersihan dan kesucian diri	4.0250
19	Mengamalkan sabar dalam kehidupan seharian	4.3550
Akhhlak Dalam Kehidupan Sosial		
1	Mencegah hubungan seks	4.4600
2	Mengelakkan minuman beralkohol	4.3150
3	Mengelakkan pergaulan bebas	4.3000
4	Berhemah dalam pergaulan	4.4100
5	Menghormati pandangan orang lain	4.4300
6	Mengelakkan mengumpat	4.5450
7	Mengelakkan pergaduhan	4.1650
Akhhlak Dalam Menunaikan Ibadah		
1	Menunaikan solat lima waktu	3.3950
2	Menutup aurat	3.5600
3	Ikhlas dalam beribadah	3.5900
4	Bertaubat dari kesalahan	4.2150
5	Berlumba-lumba melakukan kebaikan	3.9850
Akhhlak Terhadap Ibu Bapa Dan Keluarga		
1	Menghormati dan mentaati ibu bapa	4.0050
2	Bergaul secara baik dengan keluarga	4.4300
3	Berbakti kepada ibu bapa	4.5450
4	Menjaga keharmonian keluarga	4.3750
Akhhlak Menuntut Ilmu		

1	Menjaga harta benda sekolah dengan baik	3.5100
2	Beradab dalam menuntut ilmu	4.1250
3	Menghormati dan menghargai guru	3.9850
4	Mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah	4.0050
Akhhlak Terhadap Allah dan Rasul		
1	Mencintai dan mempercayai kekuasaan Allah	4.2100
2	Menghormati, mencintai dan menteladani Rasulullah S.A.W	4.4300

Jadual 4 menunjukkan min skor yang diperolehi daripada analisis deskriptif yang dijalankan ke atas 10 pernyataan sub konstruk bagi mengetahui tahap keberkesanan penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil analisis ini menunjukkan keberkesanan penghayatan akhlak dalam pembelajaran Pendidikan Islam dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap tinggi dan tahap sederhana.

Nilai min skor yang paling tinggi dicatatkan pada pernyataan yang kesembilan iaitu 4.4600 manakala nilai min skor yang paling rendah adalah pada pernyataan kedua dan ketujuh iaitu 3.5100. Daripada nilai min skor yang telah disenaraikan dalam jadual ini, terdapat tujuh pernyataan sub konstruk keberkesanan penghayatan akhlak yang berada pada tahap yang tinggi. Di antara ketujuh-tujuh sub konstruk yang dimaksudkan termasuklah pelajar menjadi lebih berdisiplin (4.4600); pelajar memenuhi tanggungjawab ibadah (4.3150); pelajar dapat menguasai ilmu fardhu ‘ain (4.2150); melahirkan pelajar yang mulia (4.1800); membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai-nilai luar yang bersifat negatif (4.1650); Menjadikan pelajar berupaya memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan ummah (4.1650); dan pelajar lebih mudah memberikan tumpuan terhadap pembelajaran (4.0250). Manakala sub konstruk yang dicatatkan mempunyai nilai min skor tahap sederhana adalah pelajar mempunyai iman dan taqwa yang mantap serta kukuh sebagai banteng ketahanan diri (3.5450); pelajar dapat menguasai ilmu fardu ‘ain (3.5100) dan menghasilkan pelajar yang berintelektual (3.5100).

Jadual 4 : Analisis Deskriptif Keberkesanan Penghayatan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam

No	Pernyataan	Sub Konstruk	Keberkesanan	Min Skor
Penghayatan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam				
1	Pelajar mempunyai iman dan taqwa yang mantap serta kukuh sebagai banteng ketahanan diri		3.5450	
2	Pelajar dapat menguasai ilmu fardu ‘ain		3.5100	
3	Pelajar dapat menguasai ilmu fardu kifayah		4.2150	
4	Pelajar memenuhi tanggungjawab ibadah		4.3150	
5	Melahirkan pelajar yang berakh�ak mulia		4.1800	
6	Membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai-nilai luar yang bersifat negatif		4.1650	
7	Menghasilkan pelajar yang berintelektual		3.5100	
8	Menjadikan pelajar berupaya memberikan sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan ummah		4.1650	
9	Pelajar lebih berdisiplin		4.4600	
10	Pelajar lebih mudah memberikan tumpuan terhadap pembelajaran		4.0250	

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi bagi kajian ini, terdapat beberapa intipati penting yang perlu diambil perhatian oleh setiap pihak yang terlibat dalam penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali. Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa para guru bagi enam buah sekolah Agama Zon 1, Johor Bahru telah memainkan peranan yang sangat efektif dalam membantu para pelajar mereka bagi menghayati akhlak menurut Imam Al-Ghazali. Ini dapat dilihat daripada pencapaian nilai min skor yang dicatatkan dalam keupayaan pelajar dalam memahami penghayatan konsep akhlak menurut Imam Al-Ghazali, amalan akhlak dalam kalangan pelajar serta keberkesanan penghayatan akhlak menurut Imam Al-Ghazali dalam Pendidikan Islam yang majoritinya adalah pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

Walaubagaimanapun, usaha bagi mengukuhkan penghayatan akhlak perlulah terus dilaksanakan bagi mendorong pembentukan akhlak seperti yang disarankan oleh Imam Al-Ghazali. Bagi memperkuuhkan lagi usaha tersebut, para guru dicadangkan melakukan eksplorasi dari aspek teknik pengajaran, mempelbagaikan alat bantuan mengajar dan menggunakan secara maksimum semasa sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas serta motivasi yang diberikan oleh guru kepada pelajar mereka. Usaha seperti ini memainkan peranan yang penting bagi membantu pelajar dalam meningkatkan penghayatan akhlak mereka yang kemudiannya mendorong mereka dalam mendapatkan pencapaian yang lebih cemerlang bukan sahaja dalam bidang

akademik tetapi juga dalam kehidupan mereka (Mokhtar, Jailani, Tamuri & Abdul Ghani, 2011).

Kesimpulan

Guru sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memberikan motivasi kepada pelajar mereka dan membantu mereka dalam meningkatkan tahap penghayatan akhlak. Oleh yang demikian, para guru haruslah mempunyai keprihatinan yang lebih khususnya dalam aspek permasalahan dalam kalangan pelajar ketika aktiviti-aktiviti sekolah dijalankan. Selain tu, guru perlulah peka terhadap keadaan pelajar mereka dan berusaha untuk menjadi contoh yang baik kerana pelajar khususnya dalam meningkatkan penghayatan akhlak.

RUJUKAN

- Ahmad, A., & Tamuri, A. H. (2005). Penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*.
- Derani, R. (2004). *Persepsi ibu bapa terhadap faktor-faktor keruntuhan akhlak remaja Islam masa kini: satu tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., Kenayathulla, H. B., Siraj, S., Elman, F., Ghani, M. A., & Ayub, A. (2017). Masalah Disiplin Murid Islam: Strategi Dan Penyelesaian Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam (Discipline Problem of the Muslim Student: Strategies and Solution to the Islamic Education Curriculum). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(1), 91-110.
- Husain, F. C., & Kadir, F. A. A. (2017). Sukatan Pendidikan Akhlak dan Moral di Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia: Satu Tinjauan Umum. *AL-BASIRAH Journal*, 1(1).
- Ismail, A. M., & Ali, M. N. S. (2011). Media penyiaran: Implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut Melayu di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Akademika*, 81(3), 3-8.
- Jasmi, K. A. (2010). *Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes* (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Kabir, A., & Imam, A. (2008). The Qur''anic approach to the inculcation of moral values: patterns for teacher education. In *International Conference on Teacher Education in Muslim World (ICTEM)*, Crown Princess Hotel, Kuala Lumpur.
- Mokhtar, S., Jailani, M. K. M., Tamuri, A. H., & Ghani, K. A. (2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1(1), 71-78.
- Shafie, M. K., & Othman, M. K. B. H. (2017). Kefahaman Dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1).
- Suhid, A. (2007). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajaran Umum Bil*, 8, 167.

Tan, R., Abidin, N. Z., & Suwirta, A. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *INSANCITA*, 1(1).

Zainal, K., & Hassan, W. W. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: Satu Kajian Kes. *dalam Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.